

KENYATAAN AKHBAR

2 Disember, 2009

PERKONGSIAN NIAGA DI ANTARA DRB-HICOM BERHAD DAN SUZUKI KEKAL UTUH

Shah Alam, Rabu, 2 Disember – DRB-HICOM Berhad hari ini menegaskan bahawa hubungan perkongsian niaga dengan Suzuki Motor Corporation Japan (Suzuki Motor) kekal utuh dan menafikan laporan muka depan 'The Edge Weekly' (keluaran 30 Nov-6 Dis 2009), bahawa Kumpulan DRB-HICOM menghadapi masalah dengan Suzuki Motor. Kumpulan DRB-HICOM menganggap laporan tersebut tidak berasas dan tidak benar.

Pendirian kukuh Kumpulan DRB-HICOM ini disokong sepenuhnya oleh rakan niaganya, Suzuki Motor yang juga terkejut dengan laporan akhbar mingguan tersebut.

Menurut Timbalan Pengurus Besar Eksekutif Suzuki Motor, Bahagian Operasi Antarabangsa, En Kenichi Ayukawa, DRB-HICOM Berhad dan Suzuki Motor telah menjalin hubungan yang kukuh sejak tahun 2005 lagi. "Kami percaya laporan tidak berasas tersebut tidak akan memberi sebarang kesan terhadap hubungan utuh yang berteraskan kepercayaan di antara kedua belah pihak," jelas En Ayukawa.

Pengarah Kumpulan DRB-HICOM, Bahagian Automotif, Dato' Nik Hamdam Nik Hassan menegaskan hubungan di antara Kumpulan DRB-HICOM dan Suzuki Motor telah berkembang dan menjadi semakin kukuh sejak mula menjadi rakan kongsi niaga pada tahun 2005.

"Keputusan Kumpulan DRB-HICOM untuk menawarkan pegangan saham yang lebih besar di dalam Suzuki Malaysia Automobile Sdn Bhd (Suzuki Malaysia) kepada Suzuki Motor Corporation dan Ithochu Corporation pada tahun 2008 merupakan anjakan paradigma Kumpulan DRB-HICOM dalam membina perkongsian perniagaan jangka panjang yang 'sustainable' dan membawa kepada kebaikan bersama, di samping memperkembangkan dan mengukuhkan lagi jenama Suzuki di negara ini", jelas Dato'

Nik Hamdam. Beliau menegaskan strategi ini telah membantu memperkukuhkan lagi jenama Suzuki di negara ini, dan seterusnya membawa kepada peningkatan jualan hampir 95 peratus.

Kumpulan DRB-HICOM memiliki 40 peratus pegangan saham di dalam Suzuki Malaysia, sementara 40 peratus pegangan saham dimiliki oleh Suzuki Motor Corporation dan 20 peratus lagi dimiliki oleh Ithochu Corporation.

Selain mengedar empat model Suzuki di Malaysia – iaitu Suzuki Swift 1.5L, Swift Sports 1.6L, Grand Vitara 2.0L dan Suzuki SX4 hatchback, serta alat gantian dan aksesori kenderaan, Kumpulan DRB-HICOM juga melaksanakan kerja-kerja pemasangan model Suzuki Swift yang cukup popular, di Kompleks Automotif bersepadunya di Pekan.

“Kumpulan DRB-HICOM kini telah pun melabur sebanyak RM15 juta di dalam ‘robotic assembly line’ untuk kerja-kerja pemasangan Swift ini. Sejak Jun 2007, kami telah pun menjual lebih daripada 8,000 unit model Swift di Malaysia, yang dipasang di sini, ” ujar Dato’ Nik Hamdam lagi

Suzuki Malaysia mempunyai 29 pengedar di seluruh negara yang telah mencatat jualan hampir 5,000 unit kenderaan pada tahun kewangan lepas, dan menjangka peningkatan sebanyak 20 peratus jualan pada akhir tahun kewangan ini.

Kumpulan DRB-HICOM juga mengedar dan memasang jenama antarabangsa utama seperti Audi, Mercedes-Benz, Honda, Suzuki, Mitsubishi, Isuzu, Mahindra dan Chevrolet, dan jenama tempatan seperti Proton dan HICOM Perkasa. Jenama-jenama ini merangkumi 20 peratus jumlah keseluruhan industri automotif di negara ini. Empat jenama di bawah Kumpulan DRB-HICOM – iaitu Honda, Suzuki, Isuzu dan Mitsubishi merupakan di antara lima jenama teratas yang telah disenaraikan di dalam indeks Kepuasan Pelanggan J.D Power (J.D Power Customer Satisfaction Index).

Pegangan 79 peratus Kumpulan DRB-HICOM di dalam Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) telah seterusnya memungkinan pengukuhan kedudukannya sebagai

sebuah syarikat automotif bersepadu dan menjalin usahasama dengan pembuat-pembuan kenderaan global ternama.

Peningkatan di dalam ekuiti ini telah membenarkan pihak kami membuat rundingan secara terus dengan pemilik-pemilik jenama di bawah EON. Di dalam persoalan Audi, komunikasi terus ini bukan sahaja telah memperkukuhkan hubungan kami dengan Audi AG tetapi juga telah mempertingkatkan kewujudan jenama (brand presence) Audi di Negara ini.

“Kumpulan DRB-HICOM merupakan pengedar tunggal Audi di Negara ini dan semenjak tahun lepas, pihak kami telah pun melihat peningkatan jualan sebanyak 92 peratus. Untuk mempertingkatkan lagi jualan, pihak kami telah melabur sebanyak RM10 juta untuk promosi jenama, melalui bilik-bilik pameran baru Audi di Pulau Pinang, Johor Bahru, Glenmarie di Selangor dan Jalan Imbi di Kuala Lumpur,” kata Dato’ Nik Hamdam.

DRB-HICOM merupakan salah sebuah Kumpulan utama di Malaysia, yang memainkan peranan penting di dalam industri pembuatan, pemasangan dan pengedaran Automotif melalui penglibatannya di dalam segmen pasaran kenderaan penumpang dan pacuan empat roda, projek ‘truck’ Nasional dan projek motorsikal Nasional. Selain daripada sektor automotif, teras perniagaan Kumpulan DRB-HICOM juga merangkumi sektor Perkhidmatan serta Hartanah & Infrastruktur.

Tamat.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Puan Yang Latiffa Ahmad Kamily
Pengurus, Komunikasi Korporat & Perhubungan Pelabur
DRB-HICOM Berhad
Tel: 03-2052 8120 HP: 012 2918691
Emel: yangltk@drb-hicom.com